



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
INDEKS PENGELOUARAN PERINDUSTRIAN, MALAYSIA
OGOS 2023

Indeks Pengeluaran Perindustrian susut 0.3 peratus pada Ogos 2023 berikutan penurunan industri Pembuatan berorientasikan eksport manakala industri berorientasikan domestik terus berkembang

PUTRAJAYA, 12 Oktober 2023 – Indeks Pengeluaran Perindustrian Malaysia susut 0.3 peratus pada Ogos 2023 berikutan penurunan industri Pembuatan berorientasikan eksport manakala industri berorientasikan domestik terus berkembang. Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan dalam keluaran **Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP), Malaysia, Ogos 2023** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik IPP yang terdiri daripada tiga sektor iaitu Perlombongan, Pembuatan dan Elektrik.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, “IPP kembali menyusut pada Ogos 2023 iaitu menurun 0.3 peratus tahun ke tahun berbanding positif 0.7 peratus yang direkodkan pada bulan sebelumnya. Kejatuhan pada Ogos 2023 adalah disebabkan oleh penyusutan dalam sektor Pembuatan dengan negatif 0.6 peratus berbanding negatif 0.2 peratus yang dicatatkan pada Julai 2023. Sebaliknya, sektor Perlombongan tumbuh marginal 0.1 peratus (Julai 2023: 4.2%) manakala sektor Elektrik berkembang 1.9 peratus (Julai 2023: 1.5%). Berbanding bulan sebelumnya, IPP meningkat 2.8 peratus berbanding pertumbuhan negatif 1.8 peratus yang direkodkan pada Julai 2023.”

Ketua Perangkawan mengulas lanjut, “Kemerosotan pengeluaran Pembuatan dipengaruhi terutamanya oleh penyusutan berterusan dalam industri berorientasikan eksport yang jatuh 2.6 peratus pada Ogos 2023 (Julai 2023: -2.7%). Penurunan terutamanya disebabkan oleh Pembuatan kok & produk petroleum bertapis (-7.5%); dan Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal (-3.8%). Penyusutan ini turut digambarkan melalui prestasi eksport negara yang mengalami trend penurunan sejak Mac 2023 dan merekodkan kejatuhan 18.6 peratus pada Ogos 2023.

Namun begitu, industri berorientasikan domestik terus berkembang walaupun pada kadar sederhana iaitu 4.2 peratus berbanding 6.0 peratus yang dicatatkan pada bulan

sebelumnya. Peningkatan tersebut diterajui oleh Pembuatan produk logam yang direka, kecuali mesin & kelengkapan (7.2%); dan Pembuatan produk prosesan makanan (5.7%). Perbandingan dengan bulan sebelumnya, pengeluaran sektor Pembuatan memulih kepada 5.1 peratus berbanding negatif 4.3 peratus yang dicatatkan pada Julai 2023.”

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menambah, “Pengeluaran sektor Perlombongan tumbuh marginal sebanyak 0.1 peratus pada Ogos 2023 berbanding 4.2 peratus yang direkodkan pada Julai 2023. Kenaikan tersebut dipacu oleh momentum peningkatan 2.6 peratus dalam pengeluaran Gas Asli (Julai 2023: -0.8%) pada bulan berkenaan. Sebaliknya, pengeluaran Minyak Mentah & Kondensat menyusut 3.3 peratus selepas merekodkan pertumbuhan kukuh 11.8 peratus pada Julai 2023. Berbanding bulan sebelumnya, indeks Perlombongan jatuh 5.4 peratus berbanding positif 8.0 peratus yang dicatatkan pada Julai 2023.”


Sementara itu, pengeluaran Elektrik terus meningkat 1.9 peratus pada Ogos 2023 selepas mencatatkan pertumbuhan 1.5 peratus pada bulan lalu. Berbanding bulan sebelumnya, indeks Elektrik meningkat 0.3 peratus berbanding 1.8 peratus pada Julai 2023.

Merumuskan kenyataannya mengenai prestasi IPP bagi lapan bulan pertama tahun 2023, Ketua Perangkawan berkata, “IPP meningkat pada kadar yang perlahan sebanyak 1.0 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya iaitu 7.3 peratus. Pada tempoh tersebut, kesemua sektor mencatatkan pertumbuhan positif iaitu indeks Pembuatan (1.2%); indeks Perlombongan (0.2%); dan indeks Elektrik (1.6%).”


DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.


Carta 1: Indeks Pengeluaran Perindustrian, Malaysia, Ogos 2022 – Ogos 2023




**Carta 2: Indeks Pengeluaran Perindustrian dan Komponennya, Malaysia
Ogos 2022 – Ogos 2023**




Carta 3: Pertumbuhan Indeks Pembuatan Mengikut Subsektor, Malaysia Julai dan Ogos 2023




Carta 4: Indeks Pembuatan Mengikut Industri Berorientasikan Eksport dan Domestik, Malaysia Ogos 2022 – Ogos 2023



Carta 5: Pembuatan Berorientasikan Eksport Mengikut Kumpulan, Malaysia Julai dan Ogos 2023



Carta 6: Pembuatan Berorientasikan Domestik Mengikut Kumpulan, Malaysia, Julai dan Ogos 2023



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
12 OKTOBER 2023**



**MEDIA STATEMENT
INDEX OF INDUSTRIAL PRODUCTION MALAYSIA
AUGUST 2023**

Industrial Production Index dipped 0.3 per cent in August 2023 as Manufacturing export-oriented industries declined while the domestic-oriented industries continued to expand

PUTRAJAYA, 12 October 2023 - Malaysia's Industrial Production Index dipped 0.3 per cent in August 2023 as Manufacturing export-oriented industries declined while the domestic-oriented industries continued to expand. The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) reported today in the release of the **Industrial Production Index (IPI), Malaysia, August 2023**. This publication presents IPI statistics, consisting of three sectors namely Mining, Manufacturing and Electricity.

According to the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "The IPI turned downward in August 2023, declining by 0.3 per cent year-on-year as against a positive 0.7 per cent recorded in the previous month. The decrease in August 2023 was attributed to contraction in the Manufacturing sector with negative 0.6 per cent as compared to the negative 0.2 per cent registered in July 2023. On the other hand, the Mining sector grew marginally by 0.1 per cent (July 2023: 4.2%) while the Electricity sector expanded by 1.9 per cent (July 2023: 1.5%). As compared to the previous month, the IPI increased by 2.8 per cent, contrasting the negative growth of 1.8 per cent recorded in July 2023."

The Chief Statistician further commented, "The deterioration in Manufacturing output was primarily influenced by the continuous decline in export-oriented industries, which dropped by 2.6 per cent in August 2023 (July 2023: -2.7%). The contraction was mainly due to decreases in the Manufacture of coke & refined petroleum products (-7.5%); and the Manufacture of computer, electronics & optical products (-3.8%). These declines mirrored the country's export performance, which had been trending down since March 2023 and recorded an 18.6 per cent decrease in August 2023.

On the contrary, the domestic-oriented industries continued to expand, albeit at a moderate rate of 4.2 per cent as compared to 6.0 per cent registered in the previous month. The increase was spearheaded by the Manufacture of fabricated metal products, except machinery & equipment (7.2%); and the Manufacture of food

processing products (5.7%). In comparison with the preceding month, the production of the Manufacturing sector rebounded to 5.1 per cent as against the negative 4.3 per cent registered in July 2023.”

Adding further, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, “The output in the Mining sector grew marginally by 0.1 per cent in August 2023 as against 4.2 per cent recorded in July 2023. The increase was propelled by a 2.6 per cent upward momentum in Natural Gas production (July 2023: -0.8%) during the month. In contrast, Crude Oil & Condensate output declined by 3.3 per cent after a strong growth of 11.8 per cent recorded in July 2023. As compared to the previous month, the Mining index dropped by 5.4 per cent as compared to the positive 8.0 per cent registered in July 2023.”


Similarly, the Electricity output advanced further by 1.9 per cent in August 2023 after registering 1.5 per cent growth in the previous month. In comparison to the preceding month, the Electricity index grew 0.3 per cent as against 1.8 per cent in July 2023.

Concluding his statement on the IPI performance for the first eight months of 2023, the Chief Statistician said, “The IPI grew at a slower rate of 1.0 per cent as compared to the same period of the previous year which was 7.3 per cent. During the period, all sectors posted positive growth namely Manufacturing index (1.2%); Mining index (0.2%); and Electricity index (1.6%).”

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

Chart 1: Industrial Production Index, Malaysia, August 2022 – August 2023



**Chart 2: Industrial Production Index and Its Components, Malaysia
August 2022 – August 2023**




Chart 3: Manufacturing Index Growth by Subsector, Malaysia, July and August 2023







Chart 4: Manufacturing Index by Export and Domestic Oriented Industries, Malaysia, August 2022 – August 2023



**Chart 5: Manufacturing Export-Oriented by Group, Malaysia,
July and August 2023**



**Chart 6: Manufacturing Domestic-Oriented by Group, Malaysia,
July and August 2023**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
12 OCTOBER 2023**